

JABATAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN  
ANTARABANGSA

TARIKH: 21.4.2022..... MASA: 11.30 AM

**MUKTAMAD**



## **MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### **TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD  
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

### **SEMPENA**

**UCAPAN HARI RAYA AIDIL FITRI**

### **TARIKH / MASA / TEMPAT**

**27 APRIL 2022 (RABU)**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Salam dihulur tanda ingatan, moga ikatan sentiasa berkekalan, Selamat Hari Raya Aidil Fitri saya ucapkan kepada Ahli-Ahli Majlis, Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai Kanan, semua warga kerja MBSP dan warga Seberang Perai.

Hari Raya Aidilfitri disambut sebagai kemenangan bagi kita umat Islam yang telah menjalankan ibadah puasa dengan sempurna. Sambutan Hari Raya amatlah bermakna kepada semua umat Islam malahan ia juga amat bermakna bagi yang bukan beragama Islam. Ini adalah kerana, ia merupakan peluang untuk rakyat kita yang berbilang kaum, agama dan budaya dapat bersama-sama berkongsi keceriaan, budaya dari sudut pakaian, makanan, adat resam dan lain-lain. Ambillah kesempatan ini untuk kunjung-mengunjungi di antara satu sama lain sebagai tanda hormat menghormati dan saling bermaafan.

Semangat kita untuk menyambut Aidil Fitri kembali mekar apabila kita dapat menjalani kehidupan seperti biasa selepas negara memasuki fasa endemik Covid-19 bermula 1 April 2022 dengan pelbagai kelonggaran.

Namun, harus diingat bahawa, penularan Covid-19 masih belum reda. Sempena Syawal yang menjelang tiba, saya ingin sarankan agar semua kakitangan dan warga Seberang Perai untuk menjaga kesihatan dan keselamatan diri dan keluarga. Dalam keriangan menyambut Aidil Fitri ini, jangan kita leka dan lalai untuk mematuhi SOP sekalipun disambut dengan meriah.

Semangat kekitaan dalam sesebuah organisasi seperti MBSP, diterjemahkan dalam konsep sebuah keluarga besar dengan penuh kemeriahian. Walaupun semangat kekeluargaan di tempat kerja tidak sekukuh pertalian keluarga sendiri, semangat ini perlu diterapkan dalam diri kita bahawa betapa pentingnya menentukan keharmonian sesebuah organisasi. Kita seharusnya mengamalkan sikap muafakat dan bekerjasama ke arah pembangunan Seberang Perai yang membawa kepada kebaikan bersama dan memberi manfaat yang besar kepada kesejahteraan rakyat.

Dalam memberikan perkhidmatan yang cemerlang untuk kesejahteraan rakyat di Seberang Perai, saya mengharapkan agar konsep ABC (*Amanah, Betul dan Cepat*) diamalkan dalam kerja-kerja harian. Adalah harapan saya, agar usaha-usaha dipergiatkan lagi untuk mempertahankan kecemerlangan MBSP dan mencapai kejayaan yang lebih besar di masa-masa akan sejarah

**“Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan”** dan memenuhi hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi mencapai visi *Penang 2030: “A Family Focused Green Smart State That Inspire The Nation”*

Di kesempatan ini, saya menyusun sepuluh jari memohon ampun dan maaf pada semua seandainya terdapat sebarang tutur kata atau perbuatan yang menyakiti hati semua. Insan biasa seperti kita tidak pernah terlepas melakukan kesilapan. Kita buka lembaran baru pada Syawal kali ini. Sebelum saya akhiri ucapan ini, izinkan saya menyampaikan serangkap pantun;

Membakar lemang pasang pelita,  
Gemersik takbir Syawal pun tiba,  
Jangan dilupa Covid-19 masih ada,  
Jagalah diri, jagalah saudara.

Mohon maaf tanda ingatan,  
Selamat Hari Raya Aidil Fitri saya titipkan.

***SELAMAT HARI RAYA AIDIL FITRI***

***MAAF ZAHIR BATIN***

Sekian, terima kasih.

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.***